

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA KEWANGAN BERKANUN

31 DISEMBER 2012

1176A3/zu

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

KANDUNGAN

MUKASURAT

LAPORAN PENGARAH	1 - 7
KENYATAAN PENGARAH	8
AKUAN BERKANUN	8
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS	9 - 10
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN	11
PENYATA PENDAPATAN	12
PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF	13
PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI	14
PENYATA ALIRAN TUNAI	15 - 16
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN	17 - 86

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH

Dengan sukacitanya, para pengarah mengemukakan laporan mereka kepada ahli-ahli, berserta penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2012.

AKTIVITI UTAMA

Syarikat terlibat secara utamanya dalam pengunderaitan semua kelas perniagaan insurans am. Tiada terdapat perubahan penting dalam aktiviti ini sepanjang tahun tersebut.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	RM'000
Keuntungan bagi tahun	<u>113,164</u>

DIVIDEN

Tiada dividen dibayar atau diisytihar oleh Syarikat sejak akhir tahun terdahulu.

Para pengarah tidak mengesyorkan pembayaran sebarang dividen berhubung tahun semasa.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Semua pindahan yang material ke atau dari rizab dan peruntukan semasa tahun berkenaan didedahkan dalam nota kepada penyata kewangan.

LIABILITI INSURANS

Sebelum penyata kewangan Syarikat dibuat, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menentukan bahawa peruntukan bagi liabiliti insurans adalah memadai mengikut kaedah penilaian yang ditetapkan dalam Bahagian D Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko ("Rangka Kerja RBC") yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") untuk penanggung insurans.

HUTANG LAPUK DAN RAGU

Sebelum penyata kewangan Syarikat dibuat, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menentukan bahawa tindakan yang betul telah diambil berhubung dengan penghapusan kira penuh hutang lapuk dan dalam penyediaan peruntukan bagi penghapusan kira dan mereka berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan bahawa peruntukan yang mencukupi telah dibuat untuk hutang ragu.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui akan sebarang keadaan yang akan menjadikan tahap amaun yang telah dihapus kira bagi hutang lapuk atau tahap amaun peruntukan bagi penghapusan kira dalam penyata kewangan Syarikat sebagai tidak mencukupi sehingga mencapai peringkat yang menjejaskan.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

PERISTIWA PENTING SEMASA TAHUN BERKENAAN

Pada 1 September 2012, Syarikat telah menyelesaikan pegambilalihan aset dan liabiliti tertentu daripada perniagaan insurans am MUI Continental Insurance Berhad bagi balasan tunai berjumlah RM180,228,000. Butiran pemerolehan itu didedahkan dalam Nota 31 kepada penyata kewangan.

ASET SEMASA

Sebelum penyata kewangan Syarikat dibuat, para pengarah telah mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memastikan bahawa tiada aset semasa yang tidak berkemungkinan untuk direalisasikan dalam perjalanan biasa perniagaan, yang nilainya seperti ditunjuk dalam rekod perakaunan Syarikat telah dikurang kira kepada suatu amaun yang mereka jangka boleh direalisasikan.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang akan menjadikan nilai-nilai yang dikaitkan kepada aset semasa dalam penyata kewangan Syarikat sebagai mengelirukan.

KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang telah berbangkit yang menyebabkan pematuhan kepada kaedah-kaedah penilaian semasa terhadap aset atau liabiliti Syarikat sebagai mengelirukan atau tidak sesuai.

KONTINGEN DAN LIABILITI LAIN

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (a) sebarang cagaran ke atas aset Syarikat yang telah berbangkit sejak akhir tahun yang menjamin liabiliti mana-mana orang lain, atau
- (b) sebarang liabiliti kontingen berkaitan Syarikat yang telah terjadi sejak akhir tahun berkenaan.

Tiada kontingen atau liabiliti lain Syarikat yang telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan untuk dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas berakhirnya tahun berkenaan yang, mengikut pandangan para pengarah, akan menjejaskan dengan teruk keupayaan Syarikat untuk memenuhi obligasinya apabila perlu.

Bagi tujuan perenggan ini, kontingen atau liabiliti-liabiliti lain tidak termasuk liabiliti-laibiliti yang berbangkit daripada kontrak insurans yang ditajajamin dalam perjalanan biasa perniagaan Syarikat.

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan, yang tidak ditangani dalam laporan ini atau penyata kewangan Syarikat yang akan menjadikan sebarang amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan sebagai mengelirukan.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

PERKARA BERSIFAT LUARBIASA

Keputusan operasi Syarikat sepanjang tahun berkenaan adalah tidak, mengikut pandangan para pengarah, terjejas dengan besarnya oleh sebarang perkara, transaksi atau peristiwa yang bersifat material atau luarbiasa.

Antara akhir tahun dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang perkara, transaksi atau peristiwa yang bersifat material atau luarbiasa yang berkemungkinan, pada pandangan para pengarah, untuk menjejaskan dengan besarnya keputusan operasi Syarikat bagi tahun laporan ini dibuat.

MODAL SAHAM

Pada 17 Julai 2012, Syarikat telah meningkatkan modal saham yang dibenarkan daripada RM300,000,000 kepada RM500,000,000. Pada 26 November 2012, Syarikat telah menerbitkan 125,471,000 saham biasa berharga RM1 sesaham untuk tunai pada par, untuk membiayai perluasan lanjut operasi Syarikat. Saham biasa baru yang diterbitkan semasa tahun berkenaan bertaraf *pari passu* dalam semua segi dengan saham sedia ada Syarikat.

URUS TADBIR SYARIKAT

Syarikat telah mematuhi semua keperluan preskriptif, dan menerima pakai amalan-amalan pengurusan yang konsisten dengan prinsip-prinsip yang ditetapkan di bawah JPI/GPI 25 (Disatukan): Rangka Kerja Berhemat Urus Tadbir Syarikat untuk Penanggung Insurans dan JPI/GPI 1 (Disatukan): Piawaian Minimum bagi Pengurusan Berhemat Penanggung Insurans, yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM").

Bagi mematuhi JPI/GPI 1 (Disatukan): Piawaian Minimum Pengurusan Berhemat Penanggung Insurans, Lembaga Pengarah ("Lembaga") menubuhkan empat jawatankuasa kecil seperti yang dinyatakan di bawah.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Tanggungjawab utama Jawatankuasa ini adalah untuk mengesyorkan suatu rangka kerja pengurusan risiko, dari segi strategi, dasar dan toleransi risiko bagi kelulusan Lembaga Pengarah serta untuk memberi suatu penilaian menyeluruh ke atas kecukupan infrastruktur pelaporan risiko Syarikat, yang termasuk sumber dan sistem sokongan, dalam menggalakkan budaya pengurusan risiko yang pro-aktif.

Jawatankuasa ini terdiri daripada dua orang pengarah bukan eksekutif bebas dan seorang pengarah bukan eksekutif bukan bebas. Mereka ialah Teh Boon Eng, Shingo Toda dan Dato' Ahmad Fuaad bin Mohd Dahalan.

Lima mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko telah diadakan sepanjang tahun dengan kehadiran penuh oleh semua pengarah.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

URUS TADBIR SYARIKAT (SAMBUNGAN)

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (sambungan)

Rangka kerja pengurusan risiko Syarikat terdiri daripada sebuah proses berterusan bagi tujuan mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko-risiko besar yang dihadapi oleh Syarikat menerusi fungsi-fungsi pengurusan dan kawalan dalaman yang ditetapkan yang merangkumi semua peringkat kakitangan dan proses-proses perniagaan untuk memastikan operasi Syarikat dikendalikan secara berkesan dan cekap serta memelihara aset Syarikat dan kepentingan pemegang saham. Proses ini disokong dengan mengekalkan sebuah system maklumat yang boleh dipercayai yang merangkumi semua aktiviti penting. Penilaian yang berterusan ke atas keberkesanan dan kecukupan semua kawalan dalaman, termasuk pemeriksaan bebas kawalan oleh fungsi audit dalaman, memastikan tindakan pembetulan, jika perlu, dibuat tepat pada waktunya.

Jawatankuasa audit

Tanggungjawab utama Jawatankuasa audit ialah untuk membantu Lembaga Pengarah dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab berkanunnya berkaitan amalan perakaunan dan pelaporan Syarikat serta memastikan keberkesanan kawalan dalaman yang diguna oleh Pengurusan. Jawatankuasa Audit berfungsi mengikut Bidang Tugas yang diperkenankan oleh Lembaga Pengarah, dengan tugas dan tanggungjawab utama berikut:

- a) untuk mengkaji dan meluluskan rancangan juruaudit luar dan dalaman, skop dan laporan audit penilaian mereka terhadap sistem dan kawalan-kawalan dalaman Syarikat;
- b) untuk mengkaji keputusan audit dan sama ada tindakan yang sewajarnya telah diambil daripada syor-syor yang diberi oleh juruaudit luar dan dalaman;
- c) untuk menilai kualiti audit yang dilaksanakan oleh juruaudit luar dan membuat cadangan berkenaan pelantikan, penamatan tugas dan imbuhan mereka, dan untuk mempertimbangkan penamaan seseorang atau beberapa orang sebagai juruaudit luar;
- d) untuk memberi jaminan bahawa maklumat kewangan yang dikemukakan oleh pihak pengurusan adalah relevan, boleh dipercayai dan tepat pada waktunya;
- e) untuk menyelia pematuhan undang-undang dan peraturan yang relevan dan amalan tatakelakuan yang sewajarnya; dan
- f) untuk menentukan kualiti, kecukupan dan keberkesanan sekitaran kawalan dalaman Syarikat.

Jawatankuasa ini terdiri daripada 4 pengarah bukan eksekutif bebas. Mereka ialah Teh Boon Eng, Emeritus Professor Dato' Dr Lian Chin Boon, Dato' Ahmad Fuaad Bin Mohd Dahalan dan Yip Jian Lee.

Enam mesyuarat Jawatankuasa audit telah diadakan sepanjang tahun, dengan kehadiran penuh pengarah, kecuali Yip Jian Lee yang hanya dilantik menjadi ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit pada 1 Mac 2013.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

URUS TADBIR SYARIKAT (SAMBUNGAN)

Jawantankuasa Pencalonan

Tanggungjawab utama Jawantankuasa ini ialah untuk memastikan Lembaga Pengarah terdiri daripada anggota yang memiliki kecekapan teknikal, profesionalisme dan campuran kemahiran yang diperlukan dan bahawa terdapat imbalan antara pengarah eksekutif, pengarah bukan eksekutif dan pengarah bebas untuk memastikan tanggungjawab Lembaga Pengarah dilaksanakan dengan berkesan.

Jawatankuasa ini juga membuat syor bagi pelantikan, kenaikan pangkat dan pemecatan pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan Penasihat Teknikal, dan membuat penilaian terhadap prestasi dan sumbangan individu mereka kepada Syarikat secara menyeluruh.

Jawatankuasa ini terdiri daripada dua pengarah bukan-eksekutif bebas, dua pengarah bukan eksekutif bukan bebas dan seorang pengarah eksekutif bukan bebas. Mereka ialah Teh Boon Eng, Shingo Toda, Hironari Iwakuma, Dato' Ahmad Fuaad bin Mohd Dahalan dan Lee King Chi, Arthur.

Dua mesyuarat Jawantankuasa Pencalonan telah diadakan sepanjang tahun, dengan kehadiran penuh oleh pengarah.

Pada tarikh laporan ini, Lembaga Pengarah terdiri daripada tujuh anggota yang enam daripada mereka adalah pengarah bukan eksekutif. Semua Lembaga Pengarah memiliki kelayakan dan pengalaman yang diperlukan dalam semua aspek penting sebuah perniagaan insurans untuk memastikan secara berkesan bahawa Syarikat beroperasi di bawah standard profesionalisme yang tertinggi.

Sebanyak enam mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan sepanjang tahun, yang mana seorang pengarah tidak dapat hadir satu mesyuarat kerana terikat dengan komitmen lain.

Jawatankuasa Imbuan

Tanggungjawab utama Jawantankuasa ini ialah untuk menentukan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah struktur dan dasar imbuan, termasuk terma pekerjaan atau kontrak perkhidmatan bagi pengarah eksekutif, Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan Penasihat Teknikal, dan untuk memastikan suatu jalinan kukuh dikekalkan antara tahap imbuan dan prestasi individu dengan sasaran yang dipersetujui ke atas jumlah pakej imbuan.

Jawatankuasa ini terdiri daripada dua pengarah bukan eksekutif bebas dan seorang pengarah bukan eksekutif bukan bebas. Mereka ialah Teh Boon Eng, Shingo Toda dan Dato' Ahmad Fuaad bin Mohd Dahalan.

Tiga mesyuarat Jawantankuasa Imbuan telah diadakan sepanjang tahun, dengan kehadiran penuh oleh pengarah.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

PENGARAH DAN KEPENTINGAN MEREKA DALAM SAHAM

Para pengarah yang telah memegang jawatan sejak tarikh laporan terdahulu adalah seperti berikut:

Teh Boon Eng
Emeritus Professor Dato' Dr Lian Chin Boon
Dato' Ahmad Fuaad bin Mohd Dahalan
Hironari Iwakuma
Lee King Chi, Arthur
Shingo Toda
Yip Jian Lee

(Dilantik pada 1 Mac 2013)

Menurut Tataurusian Persatuan Syarikat, Teh Boon Eng dan Hironari Iwakuma akan bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, dan oleh kerana mereka layak, telah menawarkan diri untuk pelantikan semula.

Mengikut daftar pemegangan saham pengarah, tidak seorang pun pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun berkenaan mempunyai apa-apa kepentingan dalam saham atau debentur Syarikat atau perbadanan-perbadanan berkaitnya, kecuali yang berikut:

<u>Pemegangan didaftar atas nama pengarah</u>	<u>Pada 31.12.2012</u>	<u>Pada 31.12.2011</u>
Anak syarikat perbadanan pemegangan utama- Asia General Holdings Ltd		
<u>(Bil. saham biasa)</u>		
Lee King Chi Arthur (sebagai penama Tokio Marine & Nichido Fire Insurance Co. Ltd)	1	1
Shingo Toda (sebagai penama Tokio Marine & Nichido Fire Insurance Co. Ltd)	1	1
- Tokio Marine Life Insurance Singapore Ltd		
<u>(Bil. saham biasa)</u>		
Lee King Chi Arthur (sebagai penama Tokio Marine & Nichido Fire Insurance Co. Ltd)	1	-
Shingo Toda (sebagai penamaTokio Marine & Nichido Fire Insurance Co. Ltd)	1	-

MANFAAT PENGARAH

Pada sepanjang dan akhir tahun berkenaan, tidak wujud perkiraan yang mengaitkan Syarikat dengan objek atau objek-objek yang membolehkan pengarah Syarikat memperoleh manfaat secara pemerolehan saham atau debentur Syarikat atau mana-mana badan pertubuhan lain.

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

MANFAAT PENGARAH (SAMBUNGAN)

Sejak akhir tahun terdahulu, tiada pengarah Syarikat telah menerima atau menjadi layak untuk menerima sebarang manfaat (selain daripada imbuhan pengarah dan manfaat berupa barangan yang ditunjuk dalam nota kepada penyata kewangan Syarikat ini) menerusi sebuah kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau perbadanan yang ada kaitan dengan pengarah atau sebuah firma yang dianggotainya, atau dengan sebuah perbadanan yang ia mempunyai kepentingan kewangan yang besar di dalamnya.

PERBADANAN PEMEGANGAN UTAMA

Para pengarah menganggap Tokio Marine Holdings Inc., sebuah perbadanan yang diperbadankan di Jepun, sebagai perbadanan pemegang utama Syarikat.

JURUAUDIT

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyuarakan kesanggupan mereka untuk terus memberi perkhidmatan.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi mereka bertarikh 27 Mac 2013.

TEH BOON ENG
PENGARAH

HIRONARI IWAKUMA
PENGARAH

Kuala Lumpur

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

**KENYATAAN PENGARAH MENURUT SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT,
1965**

Kami, Teh Boon Eng dan Hironari Iwakuma, sebagai dua pengarah Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad, menyatakan bahawa, pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentang pada mukasurat 11 hingga 86 telah disediakan dengan memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan keadaan Syarikat pada 31 Disember 2012 dan berkenaan keputusan dan aliran tunai Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi mereka bertarikh 27 Mac 2013.

TEH BOON ENG
PENGARAH

HIRONARI IWAKUMA
PENGARAH

**AKUAN BERKANUN
MENURUT SEKSYEN SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT, 1965**

Saya, Heng Kiah Ngan, sebagai Ketua Pegawai Eksekutif yang bertanggungjawab secara utama bagi pengurusan kewangan Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad, dengan sungguh dan suci hatinya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentang pada mukasurat 11 hingga 86 adalah, pada pendapat saya, betul, dan saya membuat pengakuan yang bersungguh-sungguh ini dengan mempercayai secara sedar bahawa penyata kewangan tersebut sebagai benar, dan menepati peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

HENG KIAH NGAN

Ditandatangani dan diakui secara sesungguhnya oleh penama di atas, Heng Kiah Ngan, di Kuala Lumpur di Malaysia pada 27 Mac 2013.

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAN

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
KEPADA AHLI-AHLI TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)
(No. Syarikat 149520 U)

LAPORAN TENTANG PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata kewangan Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad, yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2012, dan penyata pendapatan, pendapatan komprehensif, perubahan dalam ekuiti dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan sebuah ringkasan tentang dasar-dasar perakaunan penting dan nota keterangan lain, seperti yang dinyatakan pada mukasurat 11 hingga 86.

Tanggungjawab Pengarah bagi Penyata kewangan

Para pengarah Syarikat bertanggungjawab bagi penyediaan suatu penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan yang mematuhi peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, dan bagi semua kawalan-kawalan dalaman yang ditetapkan oleh para pengarah sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami ialah untuk menyatakan pendapat tentang penyata kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami menjalankan audit kami menurut piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami mematuhi keperluan-keperluan etika dan merancang serta melaksana audit itu untuk memperoleh jaminan yang munasabah bahawa penyata kewangan tersebut adalah bebas daripada salah nyata yang material.

Sebuah audit melibatkan pelaksanaan beberapa prosedur untuk memperoleh bukti audit tentang amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan itu. Prosedur-prosedur yang dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian terhadap risiko-risiko salah nyata material penyata kewangan itu, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Ketika membuat penilaian risiko tersebut, kami mengambil kira kawalan dalaman yang relevan kepada persediaan penyata kewangan Syarikat yang memberi gambaran yang benar dan saksama untuk mencipta prosedur-prosedur audit yang sesuai mengikut keadaan, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan keberkesanan kawalan dalaman Syarikat. Sebuah audit juga menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh para pengarah, dan juga menilai persembahan pembentangan penyata kewangan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah memadai dan sesuai untuk memberi suatu asas bagi pendapat audit kami.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
KEPADA AHLI-AHLI TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(SAMBUNGAN)
(Diperbadankan di Malaysia)
(No. Syarikat 149520 U)**

LAPORAN TENTANG PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan telah disediakan dengan betul mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan mematuhi peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2012 dan tentang prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

LAPORAN TENTANG KEPERLUAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN

Mengikut keperluan-keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa, pada pendapat kami, rekod dan daftar perakaunan serta yang lain-lain yang perlu disimpan oleh Akta tersebut telah disimpan dengan betul menurut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

HAL-HAL LAIN

1. Seperti yang dinyatakan dalam Nota 2(a) pada penyata kewangan, Syarikat menerima pakai Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia pada 1 Januari 2012 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2011. Piawaian-piawaian ini diguna secara retrospektif oleh pengarah ke atas maklumat perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2011 dan 1 Januari 2011, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 dan pendedahan yang berkaitan. Kami tidak diambil berkhidmat untuk membuat laporan ke atas maklumat perbandingan yang dinyatakan semula dan oleh itu, ia tidak diaudit. Sebahagian daripada tanggungjawab audit kami terhadap penyata kewangan Syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2012, dalam keadaan ini, termasuk memperoleh secukup bukti audit yang sewajarnya bahawa baki-baki pembukaan pada 1 Januari 2012 tidak mengandungi sebarang salah nyata yang boleh menjejaskan secara material kedudukan kewangan pada 31 Disember 2012 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.
2. Laporan ini dibuat semata-mata untuk ahli-ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab bagi mana-mana individu lain bagi kandungan laporan ini.

PRICEWATERHOUSECOOPERS
(No. AF: 1146)
Akauntan Berpiagam

JAYARAJAN RATHINASAMY
(No. 2059/06/14 (J))
Akauntan Berpiagam

Kuala Lumpur
27 Mac 2013

No. Syarikat

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2012

	<u>Nota</u>	<u>31.12.2012</u> RM'000	<u>Dinyata semula</u> <u>31.12.2011</u> RM'000	<u>Dinyata semula</u> <u>1.1.2011</u> RM'000
ASET				
Harta, loji dan peralatan	4	14,801	14,840	16,874
Aset tak ketara	5	182,662	26,930	26,930
Pelaburan	6	1,068,988	665,784	688,374
Dipegang hingga matang		35,568	55,784	80,964
Sedia dijual		939,714	532,314	524,516
Nilai saksama menerusi untung dan rugi		93,706	77,686	82,894
Cukai boleh didapati kembali		10,505	-	-
Aset insurans semula	7	496,967	158,513	152,895
Insurans belum diterima	8	176,792	116,707	86,466
Pinjaman dan belum diterima (tidak termasuk insurans belum diterima)	9	639,856	611,939	485,370
Baki tunai dan bank		4,128	25,829	31,015
Jumlah Aset		2,594,699	1,620,542	1,487,924
EKUITI, DANA UMUM DAN LIABILITI				
Modal saham	10	403,471	278,000	278,000
Perolehan tertahan	11	441,462	328,298	225,691
Rizab lain	12	8,638	9,966	8,082
Jumlah Ekuiti		853,571	616,264	511,773
Liabiliti kontrak insurans	13	1,479,638	868,758	845,561
Liabiliti cukai tertunda	14	4,609	6,290	5,850
Liabiliti kewangan lain	15	22,989	10,865	1,393
Insurans belum dibayar	16	153,404	69,536	77,830
Cukai belum dibayar		-	9,943	5,565
Lain-lain belum bayar	17	80,488	38,886	39,952
Jumlah Liabiliti		1,741,128	1,004,278	976,151
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti		2,594,699	1,620,542	1,487,924

Nota lampiran adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	<u>Nota</u>	<u>2012</u> RM'000	<u>Dinyata</u> <u>semula</u> <u>2011</u> RM'000
HASIL KENDALIAN	18	<u>927,711</u>	<u>786,648</u>
Premium terperoleh kasar	19(a)	879,176	745,126
Premium disid kepada penanggung insurans semula	19(b)	<u>(184,938)</u>	<u>(150,312)</u>
PREMIUM TERPEROLEH BERSIH		<u>694,238</u>	<u>594,814</u>
Pendapatan pelaburan	20	48,535	41,522
Laba dan kerugian direalisasikan	21	1,137	(2,298)
Nilai saksama laba dan kerugian		11,024	6,319
Pendapatan fi dan komisyen		<u>39,101</u>	<u>36,525</u>
HASIL LAIN		<u>99,797</u>	<u>82,068</u>
Tuntutan kasar dibayar		(433,833)	(421,768)
Tuntutan disid kepada penanggung insurans semula		60,237	54,446
Perubahan kasar kepada liabiliti kontrak insurans		(153,224)	14,176
Perubahan dalam liabiliti kontrak insurans disid kepada penanggung insurans semula		<u>110,900</u>	<u>2,096</u>
TUNTUTAN BERSIH TERTANGGUNG		<u>(415,920)</u>	<u>(351,050)</u>
Pendapatan /(perbelanjaan) kendalian lain	22	(535)	1,469
Perbelanjaan fi dan komisyen		(105,696)	(88,408)
Perbelanjaan pengurusan	23	<u>(126,132)</u>	<u>(106,191)</u>
PERBELANJAAN LAIN		<u>(232,363)</u>	<u>(193,130)</u>
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI		145,752	132,702
Cukai	24	<u>(32,588)</u>	<u>(30,095)</u>
KEUNTUNGAN BAGI TAHUN		<u>113,164</u>	<u>102,607</u>
PEROLEHAN ASAS SESAHAM (SEN)	25	<u>39</u>	<u>37</u>

Nota lampiran adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan ini

No. Syarikat

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	<u>Nota</u>	<u>2012</u> RM'000	<u>Dinyata</u> <u>semula</u> <u>2011</u> RM'000
Keuntungan bagi tahun		113,164	102,607
Pendapatan komprehensif lain:			
Defisit penilaian semula yang terjadi sepanjang tahun		-	(280)
Rizab tersedia dijual (Kerugian)/laba bersih atas nilai saksama yang terjadi sepanjang tahun	6	(2,627)	2,756
Laba/(kerugian) terealis bersih dipindah ke penyata pendapatan	6	906	(12)
		<hr style="width: 100%; border: 0.5px solid black;"/>	<hr style="width: 100%; border: 0.5px solid black;"/>
		(1,721)	2,744
Kesan cukai ke atasnya	14	393	(580)
		<hr style="width: 100%; border: 0.5px solid black;"/>	<hr style="width: 100%; border: 0.5px solid black;"/>
		(1,328)	2,164
		<hr style="width: 100%; border: 0.5px solid black;"/>	<hr style="width: 100%; border: 0.5px solid black;"/>
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun		<u>111,836</u>	<u>104,491</u>

Nota lampiran adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan ini

No. Syarikat

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	Modal saham RM'000	Tidak boleh diagih		Boleh diagih	Jumlah RM'000
		Rizab penilaian semula RM'000	Rizab tersedia dijual RM'000	Perolehan tertahan RM'000	
Pada 1 Januari 2011					
- seperti dinyatakan terdahulu	278,000	1,837	6,245	230,654	516,736
- pelarasan tahun terdahulu (Nota 32)	-	-	-	(4,963)	(4,963)
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Pada 1 Januari 2011, dinyatakan semula	278,000	1,837	6,245	225,691	511,773
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	(280)	2,164	102,607	104,491
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Pada 31 Disember 2011 / 1 Januari 2012, dinyatakan semula	278,000	1,557	8,409	328,298	616,264
Pada 1 Januari 2012, dinyatakan semula					
Penerbitan saham (Nota 10)	125,471	-	-	-	125,471
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	-	(1,328)	113,164	111,836
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Pada 31 Disember 2012	<hr/> 403,471	<hr/> 1,557	<hr/> 7,081	<hr/> 441,462	<hr/> 853,571

Nota lampiran adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	<u>2012</u>	<u>Dinyata</u> <u>semula</u> <u>2011</u>
	RM'000	RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KENDALIAN		
Keuntungan bagi tahun	113,164	102,607
Pelarasan ke atas:		
Harta, loji dan peralatan		
- susut nilai	5,712	5,501
- laba daripada pelupusan	(389)	(4)
- hapus kira	4	24
Laba nilai saksama daripada aset kewangan pada FVTPL	(11,024)	(6,319)
Pelunasan premium/(tokokan diskaun)	220	(61)
Kerugian daripada pelupusan aset kewangan pada FVTPL	158	2,290
(Laba)/kerugian daripada pelupusan aset kewangan AFS	(906)	12
Pendapatan pelaburan	(48,535)	(41,522)
Peruntukan untuk /(masuk kira semula peruntukan) hutang ragu	1,527	(598)
Hapus kira hutang lapuk	892	405
Perbelanjaan cukai	32,588	30,095
	<hr/>	<hr/>
Keuntungan daripada kendalian sebelum perubahan dalam aset dan liabiliti kendalian	93,411	92,430
Pembelian pelaburan kewangan	(569,773)	(56,470)
Hasil daripada pelupusan pelaburan kewangan	137,761	41,649
Hasil pelaburan matang	37,644	46,296
Peningkatan dalam aset insurans semula	(116,078)	(5,618)
Peningkatan dalam insurans belum diterima	(23,813)	(30,328)
Peningkatan dalam pinjaman dan belum diterima	(22,272)	(130,409)
Peningkatan dalam liabiliti kontrak insurans	184,158	23,197
(Penurunan)/peningkatan dalam liabiliti kewangan lain	(6,084)	9,472
Peningkatan/(penurunan) dalam insurans belum dibayar	27,712	(8,294)
Peningkatan/(penurunan) dalam belum dibayar lain	22,531	(1,066)
	<hr/>	<hr/>
	(234,803)	(19,141)
Cukai dibayar	(36,592)	(25,858)
Pendapatan pelaburan diterima:		
- Faedah	22,668	24,744
- Dividen	22,347	18,429
- Lain-lain	129	126
	<hr/>	<hr/>
Tunai bersih diguna dalam aktiviti kendalian	(226,251)	(1,700)

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

	2012 RM'000	<u>Dinyata semula</u> 2011 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pemerolehan perniagaan insurans am	83,910	-
Pembelian harta, loji dan peralatan	(6,156)	(3,493)
Hasil daripada pelupusan harta, loji dan peralatan	1,325	7
	<hr/>	<hr/>
Tunai bersih dijana daripada/(diguna dalam) aktiviti pelaburan	79,079	(3,486)
	<hr/>	<hr/>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN		
Hasil daripada penerbitan saham	125,471	-
	<hr/>	<hr/>
PENURUNAN BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI		
	(21,701)	(5,186)
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA 1 JANUARI		
	25,829	31,015
	<hr/>	<hr/>
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA 31 DISEMBER		
	4,128	25,829
	<hr/>	<hr/>
Baki tunai dan bank	4,128	25,829
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>

Nota lampiran adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2012

1 AKTIVITI UTAMA DAN MAKLUMAT AM

Syarikat terlibat secara utamanya dalam menaja jamin semua kelas perniagaan insurans am. Tiada perubahan besar dalam aktiviti ini sepanjang tahun.

Syarikat ialah sebuah syarikat awam liabiliti berhad, yang diperbadankan dan bertapak di Malaysia.

Pejabat berdaftar Syarikat terletak di:

Aras 8, Symphony House, Block D13, Pusat Dagangan Dana 1,
Jalan PJU 1A/46, 47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

Tempat utama perniagaan Syarikat terletak di:

Tingkat 29 – 31, Menara Dion
27 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur

Para Pengarah menganggap Tokio Marine Holdings Inc., sebuah perbadanan yang diperbadankan di Jepun sebagai perbadanan pemegang utama Syarikat.

Penyata kewangan telah diluluskan untuk penerbitan oleh Lembaga Pengarah mengikut sebuah resolusi Pengarah bertarikh 27 Mac 2013.

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

Melainkan jika dinyatakan sebaliknya, dasar-dasar perakaunan berikut telah diguna secara konsisten untuk menangani perkara-perkara yang dianggap material berhubung penyata kewangan.

(a) Asas penyediaan penyata kewangan

Penyata kewangan mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (“MFRS”), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan mematuhi peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Penyata kewangan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 adalah set pertama penyata kewangan yang disediakan mengikut MFRS 1 “Penerimaan pakai Pertama kali MFRS”. Syarikat telah secara konsisten menerima pakai dasar-dasar perakaunan yang sama dalam pembukaan penyata kedudukan kewangan MFRS pada 1 Januari 2011 (tarikh peralihan) dan sepanjang tahun-tahun yang dibentangkan, seolah-olah dasar-dasar ini sudah sentiasa diguna. Peralihan kepada MFRS tidak mendatangkan sebarang perubahan besar kepada dasar-dasar perakaunan Syarikat yang sedia ada. Walau bagaimanapun, seperti yang dikehendaki di bawah MFRS 1, Syarikat telah membentangkan tiga penyata kedudukan kewangan, dua penyata pendapatan, dua penyata pendapatan komprehensif, dua penyata aliran tunai, dua penyata perubahan dalam ekuiti dan nota berkaitan termasuk perbandingan.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyediaan penyata kewangan(sambungan)

Berikutan peralihan dalam rangka kerja pelaporan kewangan kepada MFRS pada 1 Januari 2012, maklumat perbandingan dinyatakan semula telah tidak diaudit di bawah MFRS. Penyata perbandingan dinyatakan semula bagi kedudukan kewangan pada 31 Disember 2011, penyata perbandingan pendapatan, pendapatan komprehensif, perubahan dalam ekuiti dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut telah diaudit di bawah rangka kerja pelaporan kewangan terdahulu iaitu Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia.

Pada tahun berkenaan, Syarikat telah menukar asas anggaran rizab premium tidak terperoleh. Pelarasan tahun terdahulu ini telah dibuat mengikut keperluan-keperluan "Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran dan Khilaf Perakaunan" MFRS 108 yang memerlukan sebuah aplikasi retrospektif. Impak kewangan daripada pelarasan tahun terdahulu ini adalah seperti yang didedahkan dalam Nota 32 kepada penyata kewangan.

Penyata kewangan Syarikat juga telah disediakan pada asas kos sejarah, kecuali bagi instrumen kewangan yang telah diukur pada nilai saksama dan liabiliti insurans yang telah diukur mengikut kaedah penilaian yang ditetapkan dalam Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko ("RBC") bagi penanggung insurans yang dikeluarkan oleh BNM.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MFRS memerlukan penggunaan anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada amaun aset dan liabiliti yang dilaporkan pada tarikh penyata kewangan, dan kepada amaun hasil dan perbelanjaan yang dilaporkan sepanjang tahun kewangan yang dilaporkan. Ia juga memerlukan Pengarah mengguna penilaian mereka dalam proses mengguna pakai dasar-dasar perakaunan Syarikat. Meskipun anggaran-anggaran ini berasaskan pengetahuan terbaik para Pengarah tentang peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran tersebut.

Bahagian-bahagian yang melibatkan tahap penilaian atau kerumitan yang lebih tinggi atau bahagian-bahagian yang andaian dan anggarannya penting kepada penyata kewangan didedahkan dalam Nota 3.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyediaan penyata kewangan(sambungan)

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (“RM”).

Piawaian, pindaan pada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran ke atas piawaian sedia ada yang berkaitan dan relevan kepada Syarikat tetapi masih belum bermula

Syarikat akan menerima pakai piawaian baru yang relevan dan boleh guna, pindaan kepada piawaian dan tafsiran berikut pada tempoh-tempoh berikut:

(i) Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Januari 2013

- MFRS 13 “Ukuran nilai saksama” (bermula dari 1 Januari 2013) bertujuan untuk memperbaiki ketekalan dan mengurangi kerumitan secara memberi definisi tepat bagi nilai saksama dan sumber tunggal ukuran nilai saksama dan keperluan pendedahan bagi kegunaan untuk keseluruhan MFRS. Keperluan tersebut tidak memanjangkan penggunaan perakaunan nilai saksama tetapi memberi petunjuk tentang bagaimana ia patut diguna di mana kegunaannya memang diperlukan atau dibenarkan oleh piawaian-piawaian lain. Keperluan pendedahan yang diperkukuh ini adalah serupa dengan keperluan dalam MFRS 7 “Instrumen kewangan: Pendedahan”, tetapi boleh diguna kepada semua aset dan liabiliti yang diukur pada nilai saksama, bukan untuk yang berbentuk kewangan sahaja.
- Pindaan kepada MFRS 101 “Pembentangan item pendapatan komprehensif lain” (bermula dari 1 Julai 2012) memerlukan entiti mengasingkan item-item yang dibentang dalam ‘pendapatan komprehensif lain’ (OCI) dalam penyata pendapatan komprehensif kepada dua kumpulan, berdasarkan sama ada ia boleh dikitar semula ke untung atau rugi di masa depan. Pindaan itu tidak menyentuh apakah item-item yang dibentang dalam OCI.
- Pindaan kepada MFRS 119 “Manfaat pekerja” (bermula dari 1 Januari 2013) membuat perubahan yang ketara kepada pengiktirafan dan pengukuran perbelanjaan wajib manfaat pencen dan manfaat penamatan kerja, dan kepada pendedahan bagi semua manfaat pekerja. Laba dan kerugian aktuari tidak akan lagi ditunda mengguna pendekatan koridor. MFRS 119 akan ditarik balik apabila pindaan ini diguna pakai.
- Pindaan kepada MFRS 7 “Instrumen kewangan: Pendedahan” (bermula dari 1 Januari 2013) memerlukan pendedahan yang lebih meluas yang tertumpu pada maklumat kuantitatif tentang instrumen kewangan diiktiraf yang diimbangi dalam penyata kedudukan kewangan dan yang tertakluk kepada pembersihan utama atau perkiraan yang serupa tanpa mengira sama ada ia telah diimbangi.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyediaan penyata kewangan(sambungan)

Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran kepada piawaian sedia ada yang berkaitan dan relevan kepada Syarikat tetapi belum lagi bermula (sambungan)

(ii) Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Januari 2014

- Pindaan kepada MFRS 132 “Instrumen kewangan: Persembahan” (bermula dari 1 Januari 2014) tidak mengubah model imbalan semasa dalam MFRS 132. Ia menjelaskan makna ‘kini mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan yang sah untuk mengimbangi’ bahawa hak untuk mengimbangi mesti wujud sekarang (bukan bergantung pada peristiwa masa depan) dan boleh dikuatkuasa secara sah ke atas semua pihak dalam perjalanan biasa perniagaan. Ia menjelaskan bahawa beberapa mekanisma penyelesaian kasar yang mempunyai ciri-ciri yang secara berkesannya adalah bersamaan dengan penyelesaian bersih yang akan memenuhi kriteria imbalan MFRS 132.

(iii) Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Januari 2015

- MFRS 9 “Instrumen kewangan – klasifikasi dan ukuran aset kewangan dan liabiliti kewangan” (bermula dari 1 Januari 2015) menggantikan klasifikasi berbilang dan model-model ukuran dalam MFRS 139 dengan model tunggal yang mempunyai hanya dua kategori klasifikasi: kos terlunas dan nilai saksama. Asas bagi klasifikasi bergantung pada model perniagaan entiti bagi mengurus aset kewangan dan ciri-ciri aliran tunai kontraktual aset kewangan.

Instrumen perakaunan dan kewangan bagi liabiliti kewangan dan bagi nyahiktirafan instrumen kewangan telah dipindah daripada MFRS 139, tanpa perubahan, kecuali bagi liabiliti kewangan yang ditentukan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi (“FVTPL”). Entiti-entiti yang mempunyai liabiliti kewangan yang ditentukan pada FVTPL mengiktiraf perubahan dalam nilai saksama disebabkan oleh perubahan risiko kredit dalam liabiliti secara langsung dalam pendapatan komprehensif lain (OCI). Tiada kitaran semula selanjutnya amaun-amaun dalam OCI kepada untung atau rugi, tetapi laba atau kerugian terkumpul boleh dipindah antara ekuiti.

Panduan dalam MFRS 139 berkenaan kejelasan ke atas aset kewangan dan perakaunan lindung nilai terus diguna pakai.

MFRS 7 memerlukan pendedahan ke atas peralihan daripada MFRS 139 kepada MFRS 9.

Syarikat kini sedang menilai kesan ke atas penyata kewangan apabila MFRS 9 diguna pakai pada 1 Januari 2015.

Semua pindaan lain kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran terhadap piawaian sedia ada yang dikeluarkan oleh MASB yang berkesan bagi tempoh kewangan selepas 1 Januari 2013 adalah tidak relevan kepada Syarikat.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(b) Gabungan perniagaan

Kaedah perakaunan pembelian diguna untuk menerangkan tentang gabungan perniagaan. Kos pemerolehan diukur sebagai nilai saksama aset yang diberi, instrumen ekuiti yang diterbitkan dan liabiliti yang ditanggung pada tarikh pertukaran, termasuk kos yang dikaitkan secara langsung kepada pemerolehan itu. Aset terperoleh yang boleh dikenal pasti dan liabiliti serta liabiliti kontingen yang ditanggung dalam sebuah gabungan perniagaan diukur pada mulanya pada nilai saksamanya pada tarikh pemerolehan. Lebihan kos pemerolehan daripada nilai saksama bahagian aset terperoleh bersih Syarikat yang boleh dikenal pasti pada tarikh pemerolehan ditunjuk sebagai muhibah. Lihat dasar perakaunan pada Nota 2(c) berkenaan muhibah. Jika kos pemerolehan kurang daripada nilai saksama aset terperoleh bersih, perbezaan itu diiktiraf terus dalam penyata pendapatan.

(c) Muhibah

Muhibah mewakili lebihan harga pembelian dan kos-kos berkait pemerolehan daripada agregat nilai saksama aset bersih perniagaan yang diperoleh pada tarikh pemerolehan. Lihat dasar perakaunan pada Nota 2(g) berkenaan kejejasan aset bukan kewangan.

Muhibah diuji setiap tahun bagi kejejasan dan disimpan pada kos tolak kerugian kejejasan terkumpul. Kerugian kejejasan ke atas muhibah tidak boleh diterbalikkan.

Muhibah diperuntukkan kepada unit-unit penjana tunai bagi tujuan ujian kejejasan. Peruntukan itu dibuat kepada unit-unit penjana tunai atau kumpulan-kumpulan penjana tunai yang dijangka memperoleh faedah daripada sinergi gabungan perniagaan di mana muhibah itu terjadi, yang dikenal pasti mengikut segmen kendalian.

(d) Harta, loji dan peralatan

Harta, loji dan peralatan pada mulanya diyata pada kos. Tanah dan bangunan pajakan kemudiannya ditunjuk pada amaun dinilai semula, berdasarkan penilaian berkala sekurang-kurangnya sekali setiap 5 tahun oleh jurunilai bebas luar, ditolak susut nilai selanjutnya dan kerugian kejejasan. Sebarang susut nilai terkumpul pada tarikh penilaian semula dihapuskan dengan nilai pembawaan kasar aset, dan jumlah bersih dinyatakan semula pada jumlah yang amaun dinilai semula aset tersebut.

Semua harta, loji dan peralatan lain dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kejejasan terkumpul. Kos termasuk perbelanjaan yang ada kaitan langsung dengan pemerolehan item-item tersebut.

Kos seterusnya dimasukkan ke dalam jumlah pembawaan aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, sebagaimana yang sesuai, hanya apabila ada kemungkinan faedah ekonomi masa depan yang berkaitan dengan item itu akan mengalir kepada Syarikat dan kos item tersebut boleh diukur dengan pasti. Baik pulih dan penyelenggaraan dicaj kepada penyata pendapatan sewaktu ia ditanggung.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(d) Harta, loji dan peralatan (sambungan)

Harta, loji dan peralatan disusut nilai mengikut dasar garis-lurus untuk menghapus kira kos aset kepada nilai sisanya daripada anggaran hayat bergunanya, diringkaskan seperti berikut:

Tanah pemegang pajak dan bangunan	50 tahun
Perabot dan lekapan	3 - 6 tahun
Kenderaan bermotor	4 tahun
Peralatan pejabat dan komputer	3 - 6 tahun

Nilai sisa dan hayat berguna aset dikaji semula dan diselaraskan, jika sesuai, pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan.

Lebihan yang terjadi daripada penilaian semula dikredit kepada rizab penilaian semula menerusi penyata pendapatan komprehensif lain. Sebarang defisit yang terjadi daripada penilaian semula dicaj pada rizab penilaian semula setakat lebihan terdahulu yang dipegang dalam rizab penilaian semula bagi aset yang sama. Dalam semua kes lain, pengurangan dalam amaun pembawaan dicaj pada penyata pendapatan bagi tempoh ia ditanggung.

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Syarikat juga menilai sama ada terdapat sebarang tanda kekejasan. Jika tanda-tanda sedemikian wujud, satu kajian dilaksanakan untuk menilai sama ada amaun pembawaan aset itu boleh didapati semula. Lihat Nota 2(g) tentang penurunan nilai bagi kekejasan aset bukan kewangan.

Laba dan kerugian daripada pelupusan ditentukan secara membanding hasil yang mempunyai amaun pembawaan dan dikredit atau dicaj kepada penyata pendapatan. Apabila aset yang dinilai semula dilupuskan, amaun dalam rizab penilaian semula berhubung aset tersebut dipindah kepada hasil tertahan.

(e) Pelaburan dan aset kewangan lain

Syarikat mengklasifikasikan pelaburannya dan aset kewangan lain ke dalam kategori berikut: aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi, dipegang hingga matang atau sedia dijual. Klasifikasi aset kewangan ditentukan pada permulaan pengiktirafan.

(i) Nilai saksama menerusi untung atau rugi ("FVTPL")

Aset kewangan pada FVTPL berkait aset kewangan yang diperoleh atau ditanggung secara utamanya bagi tujuan menjual atau membelinya semula pada masa depan atau ia adalah sebahagian portfolio sekuriti yang dikenal pasti yang diurus secara bersama dan memberi bukti baru tentang corak sebenar pengambilan untung jangka singkat. Aset kewangan pada FVTPL diukur pada nilai saksama dan sebarang laba atau kerugian yang terjadi daripada perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan. Laba dan kerugian daripada nyahiktiraf aset kewangan tersebut diukur sebagai perbezaan antara hasil jualan dengan nilai saksama terselaraskan terakhir dalam penyata pendapatan.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(e) Pelaburan dan aset kewangan lain (sambungan)

(ii) Dipegang hingga matang (“HTM”)

Aset kewangan pada HTM adalah aset kewangan yang mempunyai bayaran tetap atau boleh ditentukan dan kematangan yang tetap bahawa Syarikat mempunyai niat positif dan keupayaan untuk pegang hingga matang. Aset kewangan HTM diukur pada kos terlunas mengguna kaedah faedah efektif. Sebarang laba atau kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila aset kewangan itu dinyahiktiraf atau terjejas.

(iii) Pinjaman dan belum diterima (“LAR”)

LAR adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut dalam pasaran aktif. Aset kewangan ini diiktiraf awalnya pada kos, sebagai nilai saksama kepada pembalasan yang dibayar bagi pemerolehan aset kewangan itu. Semua kos urusniaga yang berpunca langsung dari pemerolehan itu dimasukkan ke dalam kos aset kewangan itu. Selepas ukuran awal, pinjaman dan belum diterima diukur pada kos terlunas, menggunakan kaedah pulangan efektif, ditolak peruntukan untuk kejejasan. Laba dan kerugian diiktiraf dalam untung dan rugi apabila aset kewangan itu dinyahiktiraf atau terjejas, serta menerusi proses pelunasan.

(iv) Sedia dijual (“AFS”)

Aset kewangan pada AFS adalah aset yang tidak diklasifikasikan sebagai FVTPL atau HTM atau LAR dan diukur pada nilai saksama. Aset kewangan AFS diiktiraf pada mulanya pada nilai saksama termasuk kos urusniaga yang berpunca secara langsung kepada pemerolehannya. Selepas ukuran awal, aset kewangan AFS kemudiannya diukur pada nilai saksama. Sebarang laba atau kerugian yang terjadi daripada sesuatu perubahan dalam nilai saksama, setelah ditolak cukai pendapatan, dilaporkan secara berasingan dalam penyata pendapatan komprehensif dan dilaporkan sebagai komponen ekuiti berasingan sehingga aset kewangan itu dinyahiktiraf atau ditentukan sebagai terjejas. Apabila aset kewangan itu dinyahiktiraf atau terjejas, laba atau kerugian kumulatif yang diiktiraf terdahulu dalam ekuiti akan dipindah menerusi penyata pendapatan komprehensif kepada penyata pendapatan.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(f) Kejejasan aset kewangan

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Syarikat membuat penilaian sama ada terdapat bukti objektif bahawa sesuatu aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan telah terjejas. Suatu aset kewangan dianggap terjejas dan kerugian kejejasan tertanggung jika, dan hanya jika, terdapat bukti objektif kejejasan itu sebagai akibat daripada satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset itu (suatu 'peristiwa kerugian') dan bahawa peristiwa(-peristiwa) kerugian itu mempunyai kesan ke atas anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan itu yang boleh dianggarkan dengan yakin.

(i) Aset kewangan dibawa pada kos terlunas

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian kejejasan pada aset kewangan HTM yang dibawa pada kos terlunas telah berlaku, amaun kerugian itu diukur sebagai perbezaan antara amaun pembawaan aset itu dengan nilai kini anggaran aliran tunai masa depan yang didiskaun pada kadar faedah berkesan asal aset kewangan itu. Amaun pembawaan aset itu dikurangkan menerusi penggunaan akaun peruntukan dan amaun kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Jika, pada kemudian hari, amaun kerugian kejejasan berkurangan dan pengurangan itu boleh dikaitkan secara objektif dengan sebuah peristiwa yang berlaku selepas kejejasan itu diiktiraf, kerugian kejejasan yang diiktiraf pada sebelumnya akan ditarik balik dengan melaraskan akaun peruntukan. Amaun pembalikan itu diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(ii) Aset kewangan dibawa pada kos

Jika terdapat bukti objektif bahawa suatu kerugian kejejasan ke atas aset kewangan yang dibawa pada kos (contoh, instrumen ekuiti atau yang tiada pasaran aktif atau yang nilai saksamanya tidak boleh diukur secara yakin) telah berlaku, amaun kerugian itu diukur sebagai perbezaan antara amaun pembawaan aset itu dengan nilai kini anggaran aliran tunai masa depan yang didiskaun pada kadar pulangan pasaran semasa bagi sekuriti yang serupa. Kerugian kejejasan sebegini tidak akan ditarik balik.

(iii) Aset kewangan dibawa pada nilai saksama

Dalam kes aset kewangan yang diklasifikasikan sebagai AFS, kejatuhan yang ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama sekuriti itu di bawah kosnya dipertimbangkan dalam menentukan sama ada aset itu telah terjejas. Jika sebarang bukti sedemikian wujud bagi aset kewangan AFS, kerugian kumulatif, diukur pada perbezaan antara kos pemerolehan dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian kejejasan ke atas aset kewangan yang telah diiktiraf terdahulu dalam untung atau rugi dipindah dari ekuiti menerusi penyata pendapatan komprehensif dan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Jika, pada kemudian hari, nilai saksama sesuatu instrumen hutang diklasifikasikan sebagai aset kewangan AFS dibawa pada nilai saksama meningkat dan peningkatan itu boleh dikaitkan secara objektif dengan sesuatu peristiwa yang berlaku selepas kerugian kejejasan diiktiraf dalam untung atau rugi, kerugian kejejasan itu ditarik balik menerusi penyata pendapatan. Kerugian kejejasan yang diiktiraf dalam penyata pendapatan bagi instrumen ekuiti adalah tidak ditarik balik melalui penyata pendapatan.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(g) Kejejasan aset bukan kewangan

Aset yang mempunyai hayat berguna yang tidak pasti adalah tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji setiap tahun bagi kejejasan. Aset yang tertakluk kepada pelunasan disemak untuk kejejasan, setiap kali peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan bahawa amaun pembawaan mungkin tidak boleh didapati kembali sepenuhnya.

Kerugian kejejasan diiktiraf bagi amaun yang mana nilai pembawaan aset melebihi amaun boleh didapati kembali. Amaun yang boleh didapati kembali adalah lebih tinggi daripada nilai saksama aset ditolak kos jualan dan nilai dalam penggunaan. Bagi tujuan penilaian kejejasan, aset-aset digolongkan pada tahap terendah yang mana wujud aliran tunai (unit penjana tunai) yang boleh dikenal pasti secara berasingan. Aset bukan kewangan selain daripada muhibah yang mengalami kejejasan disemak bagi kemungkinan untuk menarik balik kejejasan itu pada setiap tarikh laporan.

Kerugian kejejasan dicaj kepada penyata pendapatan dengan serta merta melainkan jika ia menterbalikkan penilaian terdahulu yang jika demikian ia dicaj pada lebihan penilaian semula. Kerugian kejejasan ke atas muhibah tidak diterbalikkan. Berhubung aset lain, sebarang peningkatan selanjutnya dalam amaun yang boleh didapati kembali diiktiraf dalam penyata pendapatan kecuali jika ia menterbalikkan kerugian kejejasan pada aset yang dinilai semula yang jika demikian ia dibawa ke lebihan penilaian semula.

(h) Nyahiktirafan aset kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripadanya telah luput atau di mana ia telah dipindahkan dan Syarikat juga telah memindahkan sebahagian besar kesemua risiko dan ganjaran pemilikan.

(i) Manfaat pekerja

(i) Manfaat pekerja berjangka pendek

Upah, gaji, cuti tahunan dan cuti sakit bergaji, bonus, manfaat bukan wang diakru dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberi oleh pekerja Syarikat.

(ii) Manfaat pasca pekerjaan

Caruman Syarikat kepada Tabung Simpanan Pekerja, pelan caruman wajib negara, adalah dicaj kepada penyata pendapatan dalam tempoh yang berkaitan. Apabila caruman sudah dibayar, Syarikat tidak mempunyai sebarang obligasi bayaran lagi.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(j) Insurans semula

Syarikat mengesid risiko insurans dalam perjalanan biasa perniagaan bagi semua perniagaannya. Aset insurans semula mewakili baki-baki yang kena dibayar oleh syarikat-syarikat insurans semula. Amaun yang boleh didapati kembali daripada penanggung insurans semula dianggap secara yang konsisten dengan peruntukan tuntutan tertunggak atau tuntutan selesai yang berkaitan dengan dasar-dasar penanggung insurans semula dan menepati kontrak insurans semula yang berkaitan.

Perkiraan insurans semula yang disid tidak melepaskan Syarikat daripada obligasinya terhadap pemegang polisi. Premium dan tuntutan dibentang atas asas kasar bagi kedua-dua insurans semula yang disid dan yang ditanggung.

Aset insurans semula disemak untuk kekejangan pada setiap tarikh laporan atau lebih kerap lagi apabila terjadi petunjuk bagi kekejangan semasa tempoh laporan. Kekejangan berlaku apabila wujud bukti objektif sebagai akibat sesuatu peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal dibuat terhadap aset insurans semula Syarikat yang mungkin tidak diterima kesemua amaun yang tertunggak yang kena dibayar di bawah terma kontrak dan peristiwa tersebut mempunyai kesan yang boleh diukur dengan yakin ke atas amaun yang Syarikat akan terima daripada penanggung insurans semula. Kerugian kekejangan dicatat dalam penyata pendapatan.

Laba atau kerugian daripada pembelian insurans semula diiktiraf segera dalam untung atau rugi pada tarikh pembelian dan tidak dilunaskan.

Syarikat juga menanggung risiko insurans semula dalam perjalanan biasa perniagaan bagi kontrak insurans apabila berkaitan.

Premium dan tuntutan ke atas insurans semula yang ditanggung diiktiraf sebagai hasil atau perbelanjaan sebagaimana jika insurans semula itu dianggap perniagaan langsung, dengan mengambil kira klasifikasi produk perniagaan yang diinsuranskan semula itu. Liabiliti insurans semula mewakili baki-baki yang kena dibayar kepada syarikat-syarikat insurans semula. Amaun yang kena dibayar dianggap secara yang konsisten dengan kontrak insurans semula yang berkaitan.

Aset atau liabiliti insurans semula dinyahiktiraf apabila hak-hak kontraktual dihapuskan atau luput atau apabila kontrak dipindah kepada pihak lain.

Kontrak insurans semula yang tidak memindahkan risiko insurans yang ketara diterangkan secara langsung melalui penyata kedudukan kewangan. Ini adalah deposit aset atau liabiliti kewangan yang diiktiraf berasaskan balasan yang dibayar atau diterima ditolak apa-apa premium yang dikenal pasti dengan jelas atau fi yang akan ditahan oleh pengambil insurans semula. Pendapatan pelaburan daripada kontrak-kontrak ini diterangkan menggunakan kaedah pulangan efektif apabila ia terakru.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(k) Insurans belum diterima

Insurans belum diterima diiktiraf apabila kena dibayar dan diukur pada permulaan pengiktirafan pada nilai saksama balasan yang diterima atau belum diterima. Selepas pengiktirafan awal, insurans belum diterima diukur pada kos terlunas, menggunakan kaedah pulangan efektif.

Jika wujud bukti objektif bahawa insurans belum diterima itu terjejas, Syarikat mengurangkan amaun pembawaan insurans belum diterima dengan sewajarnya dan mengiktiraf kerugian kejejasan itu dalam penyata pendapatan. Syarikat mengumpul bukti objektif bahawa sesuatu insurans belum diterima itu terjejas menggunakan proses yang sama yang diterima pakai untuk aset kewangan yang dibawa pada kos terlunas. Kerugian kejejasan dihitung di bawah kaedah yang diguna untuk aset-aset kewangan ini. Proses-proses ini diterangkan dalam Nota 2(f) kepada penyata kewangan.

(l) Keputusan tajajamin insurans am

Klasifikasi produk

Syarikat mengeluarkan kontrak yang memindahkan risiko insurans.

Kontrak insurans adalah kontrak yang memindahkan risiko insurans yang besar. Suatu kontrak insurans ialah sebuah kontrak yang dengannya Syarikat (penanggung insurans) telah menerima risiko insurans yang bermakna daripada pihak lain (pemegang polisi) dengan memersetujui untuk membayar pampasan kepada pemegang polisi jika peristiwa masa depan tertentu yang tidak boleh kenal pasti (peristiwa yang diinsuranskan) menjejaskan pemegang polisi dengan teruk. Sebagai panduan am, Syarikat menentukan sama ada ia mempunyai risiko insurans yang besar, dengan membandingkan manfaat yang dibayar dengan manfaat yang kena dibayar sekiranya peristiwa yang diinsuranskan itu tidak berlaku.

Sebaik sahaja suatu kontrak telah diklasifikasikan sebagai suatu kontrak insurans, ia kekal sebagai kontrak insurans bagi seluruh jangka hayatnya, walaupun jika risiko insurans itu berkurangan dengan ketara semasa tempoh ini, melainkan semua hak dan obligasi telah hapus atau luput.

Keputusan tajajamin insurans am ditentukan bagi setiap kelas perniagaan apabila diambil kira insurans semula, komisyen, premium tak terperoleh dan tuntutan yang ditanggung.

Pendapatan premium

Pendapatan premium diiktiraf dalam tahun berhubung risiko ditanggung pada tahun tersebut. Premium dari perniagaan langsung diiktiraf pada tahun nota debit dikeluarkan. Premium berhubung risiko yang bermula di mana nota debit belum dikeluarkan pada tarikh penyata kedudukan kewangan adalah terakru pada tarikh tersebut sebagai premium akan datang.

Premium triti alir masuk insurans semula diiktiraf berdasarkan maklumat berkala yang diterima daripada penanggung insurans tersid.

Premium alir keluar insurans semula diiktiraf pada tempoh perakaunan yang sama dengan polisi asal yang ada kaitan dengan insurans semula.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(I) Keputusan tajajamin insurans am (sambungan)

Liabiliti premium

Liabiliti premium merujuk kepada yang lebih tinggi daripada:

- (a) agregat rizab premium tak terperoleh ("UPR"); atau
- (b) anggaran terbaik nilai rizab risiko belum luput Syarikat ("URR") pada tarikh penilaian dan peruntukan margin risiko bagi lencongan yang teruk ("PRAD") pada tahap keyakinan 75% yang dikehendaki oleh BNM, dihitung pada tahap keseluruhan Syarikat. Nilai anggaran terbaik ialah anggaran prospektif bayaran masa depan yang dijangka yang terjadi daripada peristiwa masa depan yang diinsuranskan di bawah polisi-polisi yang berkuatkuasa pada tarikh penilaian dan termasuk peruntukan bagi belanja Syarikat, termasuk kos penyelenggaraan dan kos insurans semula, yang dijangka ditanggung semasa tempoh belum luput ketika mengenakan polisi-polisi ini dan menyelesaikan tuntutan-tuntutan yang relevan, dan memperuntukkan pemulangan premium masa depan yang dijangka.

UPR mewakili bahagian premium bersih polisi-polisi insurans yang ditaja yang berkaitan dengan tempoh-tempoh belum luput polisi-polisi tersebut pada akhir tahun.

Dalam menentukan UPR pada tarikh penyata kedudukan kewangan, kaedah yang paling tepat menunjukkan premium tak terperoleh sebenar telah diguna, seperti berikut:

- (i) kaedah 25% untuk kargo marin, kargo penerbangan dan perniagaan transit;
- (ii) kaedah pembahagian masa bagi polisi-polisi bukan tahunan yang dikurangkan oleh peratusan komisyen perniagaan langsung kasar terakaun dengan premium yang sama, tidak melebihi had yang ditetapkan oleh BNM; dan
- (ii) kaedah 1/24 untuk semua kelas perniagaan am berhubung polisi-polisi Malaysia, dikurangkan oleh peratusan sama komisyen perniagaan langsung kasar terakaun dengan premium yang sama, tidak melebihi had yang ditetapkan oleh BNM.

Liabiliti tuntutan

Suatu liabiliti bagi tuntutan tertunggak diiktiraf berhubung kedua-dua insurans langsung dan insurans semula alir masuk.

Peruntukan untuk liabiliti tuntutan dibuat bagi kos anggaran semua tuntutan bersama dengan belanja berkait ditolak pemuliharaan insurans semula, berhubung tuntutan yang diberi notis tetapi belum selesai pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Peruntukan juga dibuat bagi kos tuntutan, berserta belanja berkait, yang ditanggung tetapi tidak dilaporkan pada tarikh penyata kedudukan kewangan, berdasarkan penilaian aktuari dengan PRAD pada tahap keyakinan 75% seperti yang dikehendaki oleh BNM.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(I) Keputusan tajajamin insurans am (sambungan)

Liabiliti tuntutan (sambungan)

Pada sepanjang tahun, pihak pengurusan menilai semula secara tetap tuntutan dan peruntukan pada asas individu dan juga asas kelas, berdasarkan nasihat dan laporan profesional bebas, maklumat lain yang ada dan penilaian pengurusan sendiri terhadap tuntutan dan peruntukah itu.

Kos pemerolehan dan kos pemerolehan tertunda ("DAC")

Kos memperoleh dan memperbaharui polisi-polisi insurans daripada pendapatan bersih yang diperoleh daripada premium insurans semula tersid, diiktiraf seperti yang bertanggung dan diperuntukkan secara betul pada tahun yang mungkin ia menjana pendapatan.

Kos ini ditunda setakat ia boleh didapati kembali daripada premium akan datang. Semua kos pemerolehan lain diiktiraf sebagai belanja apabila ia ditanggung. Semakan kekejasaan dilaksanakan pada setiap tarikh laporan atau lebih kerap lagi apabila ada pentunjuk bahawa kekejasaan telah terjadi. Apabila amaun yang boleh didapati kembali adalah kurang daripada nilai pembawaan, kerugian kekejasaan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

DAC juga diambil kira dalam ujian kecukupan liabiliti bagi setiap tempoh perakaunan. DAC dinyahiktiraf apabila kontrak berkaitan sama ada telah diselesaikan atau dihapuskan.

Bagi tujuan instrumen kewangan, DAC ditolak daripada liabiliti premium dalam penyata kewangan.

Penilaian liabiliti kontrak insurans am

Bagi kontrak insurans am, anggaran telah dibuat bagi kedua-dua kos tuntutan muktamad yang dijangka yang dilapor pada akhir tempoh laporan dan bagi kos tuntutan muktamad yang dijangka yang ditanggung tetapi tidak dilaporkan ("IBNR") pada akhir tempoh laporan.

Tempoh masa yang panjang mungkin perlu diambil sebelum kos tuntutan muktamad dapat ditentukan dengan sedikit kepastian dan untuk beberapa jenis polisi, tuntutan IBNR mewakili sebahagian besar liabiliti kontrak insurans. Kos muktamad bagi tuntutan yang tertunggak dianggar dengan mengguna pelbagai standard teknik unjuran tuntutan aktuari seperti kaedah *Chain Ladder* dan *Bornheutter-Ferguson*.

Andaian utama yang menjadi dasar bagi teknik-teknik ini ialah bahawa pengalaman Syarikat dalam perkembangan tuntutan masa lampau boleh diguna untuk mengunjurkan corak perkembangan tuntutan masa depan, maka kos tuntutan muktamad dapat ditentukan. Oleh yang demikian, kaedah-kaedah ini menganggarkan perkembangan kerugian berbayar dan ditanggung, purata kos setiap tuntutan dan bilangan tuntutan berasaskan perkembangan pada tahun sebelum dan nisbah kerugian yang dijangka. Sejarah perkembangan tuntutan dianalisa sebahagian besarnya melalui tahun kemalangan, tetapi boleh juga dianalisa selanjutnya menerusi jenis perniagaan penting dan jenis tuntutan. Tuntutan besar lazimnya ditangani berasingan, sama ada dengan dirizab pada nilai muka anggaran kerugian oleh pelaras kerugian atau diunjur secara berasingan supaya menunjukkan perkembangan akan datang. Dalam kebanyakan kes, tiada andaian tersurat dibuat berkenaan kadar masa depan peningkatan tuntutan atau nisbah kerugian. Sebaliknya, andaian yang diguna ialah yang tersirat dalam data sejarah perkembangan tuntutan yang menjadi asas bagi unjuran itu.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(l) Keputusan tajajamin insurans am (sambungan)

Penilaian liabiliti kontrak insurans am (sambungan)

Sebagai tambahan, penilaian kualitatif tertentu diguna untuk menilai sejauh mana trend masa lampau boleh diguna untuk masa depan untuk mencapai anggaran kos tuntutan muktamad yang menunjukkan akibat yang mungkin berlaku daripada sebilangan kemungkinan akibat, dengan mengambil kira semua ketidakpastian yang terlibat.

(m) Pengiktirafan hasil lain

Pendapatan faedah termasuk amaun pelunasan premium dan tokokan diskaun diiktiraf pada asas pembahagian masa dengan mengambil kira tunggakan pokok dan kadar efektif hingga tempoh matang, apabila ditentukan bahawa pendapatan sedemikian akan terakru kepada Syarikat.

Pendapatan sewa diiktiraf pada asas pembahagian masa kecuali jika kemungkiran bayaran sewa telah pun berlaku dan sewa yang kena dibayar kekal tertunggak melebihi enam bulan, yang jika demikian, pengiktirafan pendapatan sewa adalah digantung. Berikutan pergantungan itu, pendapatan diiktiraf pada asas penerimaan sehingga semua tunggakan telah dibayar.

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima bayaran sudah ditentukan.

Laba atau kerugian yang berbangkit daripada pelupusan pelaburan dikredit atau dicaj kepada penyata pendapatan.

(n) Urusniaga matawang asing

Item-item yang dimasukkan ke dalam penyata kewangan Syarikat diukur mengguna matawang persekitaran ekonomi utama di mana entiti beroperasi ("matawang berfungsi").

Penyata kewangan dibentang dalam Ringgit Malaysia, iaitu matawang berfungsi dan instrumen kewangan Syarikat.

Urusniaga matawang asing Syarikat ditunjuk pada kadar pertukaran yang wujud pada tarikh urusniaga. Aset dan liabiliti monetari matawang asing pada tarikh kunci kira-kira diterjemah pada kadar pertukaran yang menguasai pada tarikh tersebut. Perbezaan pertukaran yang terjadi daripada penyelesaian urusniaga mata wang asing dan daripada terjemahan aset dan liabiliti monetari matawang asing adalah dimasukkan ke dalam penyata pendapatan.

(o) Cukai pendapatan

Belanja cukai semasa ditentukan mengikut undang-undang cukai dalam bidang kuasa di mana Syarikat beroperasi dan termasuk semua cukai yang berasaskan untung dikenakan cukai.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(o) Cukai pendapatan (sambungan)

Cukai tertunda diiktiraf sepenuhnya, mengguna kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara yang terjadi antara amaun yang dikaitkan dengan aset dan liabiliti bagi tujuan cukai dengan amaun pembawaannya dalam penyata kewangan. Walau bagaimanapun, cukai tertunda tidak dijelaskan jika ia berbangkit daripada pengiktirafan awal sesuatu aset dan liabiliti dalam suatu urusan selain daripada gabungan perniagaan pada waktu urusan yang tidak menjejaskan perakaunan ataupun untung atau rugi yang dikenakan cukai.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat mana ada kemungkinan terdapat keuntungan bercukai yang membolehkan perbezaan sementara boleh ditolak atau kerugian cukai yang berbaki diguna.

Kadar cukai yang digubal atau sebahagian besarnya telah digubal menjelang tarikh penyata kedudukan kewangan diguna untuk menentukan cukai tertunda dan dijangka diterima pakai apabila aset cukai tertunda berkaitan direalisasikan atau liabiliti cukai tertunda liabiliti telah diselesaikan.

(p) Liabiliti kontingen dan aset kontingen

Syarikat tidak mengiktiraf liabiliti kontingen tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti kontingen ialah obligasi yang mungkin terjadi daripada peristiwa lampau yang kewujudannya akan disahkan menerusi kejadian atau tiada kejadian satu atau lebih peristiwa akan datang yang di luar kawalan Syarikat atau suatu obligasi wujud kini tetapi tidak diiktiraf kerana tiada kemungkinan suatu aliran keluar sumber diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Liabiliti kontingen juga terjadi dalam kes yang amat jarang berlaku yang mana suatu liabiliti tidak boleh diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur dengan yakin.

Aset kontingen ialah suatu aset yang mungkin terjadi daripada peristiwa lampau yang kewujudannya akan disahkan oleh kejadian atau tiada kejadian satu atau lebih peristiwa masa depan belum pasti yang di luar kawalan Syarikat. Syarikat tidak mengiktiraf aset kontingen tetapi mendedahkan kewujudannya di mana ada kemungkinan terdapat aliran masuk manfaat ekonomi, tetapi tiada kepastian nyata.

(q) Dividen

Dividen diiktiraf sebagai liabiliti apabila obligasi untuk membuat bayaran telah ditentukan.

(r) Pajak kendalian

Pemajakan aset yang mana semua risiko dan manfaat pemilikan ditahan oleh pemajak diklasifikasikan sebagai pajak kendalian. Bayaran yang dibuat di bawah pajak kendalian dicaj kepada penyata pendapatan atas dasar gari lurus selama tempoh pajaknya.

(s) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Syarikat mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif hasil daripada peristiwa lampau, yang mana ada kemungkinan sumber aliran keluar akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi itu, dan apabila anggaran amaun boleh dibuat dengan yakin.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(t) Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai di tangan, deposit panggilan yang disimpan di institusi-institusi kewangan yang mempunyai kematangan asal tiga bulan atau kurang. Ia tidak termasuk deposit yang dipegang bagi tujuan pelaburan.

(u) Instrumen kewangan

Keterangan

Instrumen kewangan ialah sebarang kontrak yang menimbulkan aset kewangan kepada suatu syarikat dan pada masa yang sama, liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti kepada syarikat yang lain.

Aset kewangan ialah sebarang aset dalam bentuk tunai, hak kontrak untuk menerima tunai atau aset kewangan lain dari syarikat lain, hak kontrak untuk menukar instrumen-instrumen kewangan dengan syarikat lain di bawah syarat yang berpotensi menguntungkan, atau instrumen ekuiti syarikat lain.

Liabiliti kewangan ialah sebarang liabiliti yang merupakan obligasi kontrak untuk menyerahkan tunai atau aset kewangan lain kepada syarikat lain, atau untuk menukar instrumen-instrumen kewangan dengan syarikat lain di bawah syarat-syarat yang berpotensi menguntungkan.

Kaedah pengiktirafan

Kaedah pengiktirafan tertentu yang diguna pakai bagi instrumen-instrumen kewangan yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan didedahkan dalam nota dasar perakaunan individu yang ada kaitan dengan setiap item.

Anggaran nilai saksama

Asas anggaran Syarikat untuk nilai saksama bagi instrumen-instrumen kewangan adalah seperti berikut:

- nilai saksama Sekuriti Kerajaan Malaysia adalah berasaskan harga pasaran indikatif;
- nilai saksama kertas Cagamas dan hutang korporat tidak disebut harga adalah berasaskan hasil pasaran indikatif yang diperoleh daripada pengurus dana;
- nilai saksama sekuriti ekuiti disebut harga dan unit amanah adalah berasaskan harga pasaran disebut harga; dan
- amaun baki debit bagi aset dan liabiliti kewangan yang lain dengan tempoh matang kurang daripada setahun adalah dianggap lebih kurang nilai saksamanya.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

3 ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN GENTING

Anggaran dan penilaian dibuat secara berterusan oleh para pengarah dan berasaskan pengalaman sejarah dan faktor-faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa masa depan yang diyakini sebagai berpatutan mengikut keadaan.

(a) Anggaran dan andaian perakaunan kritikal

Syarikat membuat anggaran dan andaian berkenaan masa depan. Anggaran perakaunan yang terhasil akan, mengikut definisi, amat jarang menyamai keputusan sebenar yang berkaitan. Untuk meningkatkan kandungan maklumat anggaran tersebut, beberapa pemboleh ubah penting tertentu yang dijangka akan mendatangkan kesan yang material ke atas keputusan dan kedudukan kewangan Syarikat adalah diuji bagi kepekaan terhadap perubahan dalam parameter yang menjadi dasarnya. Anggaran dan andaian yang mempunyai risiko besar untuk menyebabkan pelarasan material ke atas baki debit aset dan liabiliti dalam tempoh tahun depan digariskan di bawah.

(i) Anggaran kejelasan muhibah

Muhibah diperuntukkan kepada unit penjanaan tunai ("CGU") bagi tujuan ujian kejelasan yang dilaksanakan di tahap terendah yang mana muhibah itu dipantau bagi tujuan pengurusan dalaman. Ujian kejelasan dijalankan setiap tahun oleh Syarikat mengikut dasar-dasar perakaunannya dengan membandingkan amaun yang boleh diperolehi daripada CGU dengan amaun bawaan aset bersih yang diperuntukkan kepada CGU, termasuk muhibah yang diagihkan.

Amaun yang boleh diperolehi daripada CGU ditentukan berdasar pengiraan nilai guna. Pengiraan itu memerlukan penggunaan anggaran. Rujuk Nota 5 pada penyata kewangan berkaitan andaian utama yang diguna dalam pengiraan untuk CGU.

(ii) Liabiliti tuntutan

Nilai liabiliti tuntutan bagi setiap kelas perniagaan dianggar dengan merujuk kepada pelbagai teknik anggaran, yang secara umumnya berdasarkan analisa statistik tentang pengalaman bersejarah yang mengandaikan corak yang mendasari perkembangan dan pembayaran tuntutan, dan termasuk peruntukan untuk margin risiko bagi lencongan buruk ("PRAD") pada tahap keyakinan 75% seperti yang dikehendaki oleh BNM. PRAD ialah sebuah komponen nilai liabiliti insurans yang berkaitan dengan ketidakpastian yang wujud dalam anggaran terbaik liabiliti tuntutan itu. PRAD juga merupakan komponen tambahan nilai liabiliti yang bertujuan untuk memastikan nilai liabiliti tuntutan ditetapkan pada tahap yang menghasilkan tahap keyakinan (atau kebarangkalian) yang lebih tinggi sehingga akhirnya peruntukan akan menjadi mencukupi. Anggaran muktamad yang terpilih adalah berdasarkan pertimbangan penilaian keputusan terhadap setiap kaedah dan maklumat kualitatif, sebagai contoh, kelas perniagaan, tarikh matang portfolio dan jangkaan terma penyelesaian kelas tersebut. Unjuran adalah berdasarkan pengalaman sejarah dan penanda aras luaran jika relevan.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

3 ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Anggaran dan andaian perakaunan genting (sambungan)

(ii) Liabiliti tuntutan (sambungan)

Disebabkan oleh hakikat bahawa liabiliti tuntutan muktamad bergantung pada keputusan peristiwa masa depan seperti saiz keputusan mahkamah, sikap pihak menuntut terhadap penyelesaian tuntutan mereka, dan inflasi sosial dan ekonomi, wujud ketidakpastian dalam mana-mana anggaran liabiliti tuntutan muktamad. Oleh yang demikian, terdapat batas bagi ketepatan anggaran tersebut. Malah, sudah pasti kerugian sebenar masa depan dan belanja pelarasan kerugian tidak akan berkembang persis seperti yang diunjurkan dan ia mungkin jauh berbeza daripada unjuran itu.

(b) Penilaian kritikal dalam penggunaan dasar-dasar perakaunan Syarikat

Dalam penentuan dan penggunaan dasar-dasar perakaunan, penilaian sering diperlukan berhubung perkara-perkara yang mana pilihan dasar tertentu boleh menjejaskan secara material keputusan dan kedudukan kewangan Syarikat yang dilaporkan. Walau bagaimanapun, para pengarah berpendapat bahawa ketika ini tiada dasar-dasar perakaunan yang memerlukan penilaian penting dilaksanakan.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

4 HARTA, LOJI DAN PERALATAN

	Tanah pemegangan pajak RM'000	Bangunan RM'000	Perabot dan lekapan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Peralatan pejabat dan komputer RM'000	Jumlah RM'000
<u>Kos</u>						
Pada 1 Januari 2012	3,400	1,870	14,535	2,128	28,180	50,113
Terjadi daripada pemerolehan perniagaan (Nota 31)	-	-	-	-	458	458
Tambahan	-	-	626	956	4,573	6,155
Pelupusan	(460)	(190)	(52)	(814)	(1,314)	(2,830)
Hapus kira	-	-	-	-	(306)	(306)
Pada 31 Disember 2012	2,940	1,680	15,109	2,270	31,591	53,590
<u>Susut nilai terkumpul</u>						
Pada 1 Januari 2012	323	165	12,293	1,021	21,471	35,273
Caj bagi tahun	73	42	1,224	314	4,059	5,712
Pelupusan	(29)	(12)	(41)	(590)	(1,222)	(1,894)
Hapus kira	-	-	-	-	(302)	(302)
Pada 31 Disember 2012	367	195	13,476	745	24,006	38,789
<u>Nilai buku bersih</u>						
Pada 31 Disember 2012	2,573	1,485	1,633	1,525	7,585	14,801
<u>Kos</u>						
Pada 1 Januari 2011	3,400	1,870	14,525	1,990	25,453	47,238
Tambahan	-	-	124	144	3,225	3,493
Pelupusan	-	-	(1)	(6)	(175)	(182)
Hapus kira	-	-	(113)	-	(323)	(436)
Pada 31 Disember 2011	3,400	1,870	14,535	2,128	28,180	50,113
<u>Susut nilai terkumpul</u>						
Pada 1 Januari 2011	243	120	10,620	836	18,545	30,364
Caj bagi tahun	80	45	1,781	191	3,404	5,501
Pelupusan	-	-	(1)	(6)	(173)	(180)
Hapus kira	-	-	(107)	-	(305)	(412)
Pada 31 Disember 2011	323	165	12,293	1,021	21,471	35,273
<u>Nilai buku bersih</u>						
Pada 31 Disember 2011	3,077	1,705	2,242	1,107	6,709	14,840

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

4 HARTA, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

	Tanah pemegangan pajak RM'000	Bangunan RM'000	Perabot dan Kenderaan lekapan bermotor RM'000	Peralatan pejabat dan komputer RM'000	Jumlah RM'000
<u>Kos</u>					
Pada 1 Januari 2010	2,793	1,357	13,687	2,194	45,532
Tambahan			1,772	727	3,977
Penilaian semula	607	513	-	-	1,120
Pelupusan	-	-	-	(927)	(2,335)
Hapus kira	-	-	(934)	(118)	(1,056)
Pada 31 Disember 2010/1 Januari 2011	3,400	1,870	14,525	1,990	47,238
<u>Susut nilai terkumpul</u>					
Pada 1 Januari 2010	177	87	9,266	1,601	27,995
Caj bagi tahun	66	33	2,254	36	5,541
Pelupusan	-	-	-	(801)	(2,164)
Hapus kira	-	-	(900)	(108)	(1,008)
Pada 31 Disember 2010/1 Januari 2011	243	120	10,620	836	30,364
<u>Nilai buku bersih</u>					
Pada 31 Disember 2010/1 Januari 2011	3,157	1,750	3,905	1,154	16,874

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

5 MUHIBAH

	<u>31.12.2012</u> RM'000	<u>31.12.2011</u> RM'000	<u>1.1.2011</u> RM'000
Kos:			
Pada 1 Januari	26,930	26,930	26,930
Terjadi daripada pemerolehan perniagaan (Nota 31)	<u>155,732</u>	<u>-</u>	<u>-</u>
Pada 31 Disember	<u>182,662</u>	<u>26,930</u>	<u>26,930</u>

Muhibah Syarikat berbangkit daripada pemerolehan perniagaan Amanah General Insurance (M) Bhd ("AGIB"), Asia Insurance (M) Bhd ("AIMB") dan MUI Continental Insurance Berhad ("MUI") masing-masing pada 2002, 2007 dan 2012. Pada 31 Disember 2012, amaun pembawaan muhibah yang berbangkit pemerolehan perniagaan AGIB, AIMB dan MUI adalah masing-masing RM13,666,666 (2011: RM13,666,666), RM13,263,065 (2011: RM13,263,065) dan RM155,732,591 (2011: RM Tiada).

Pada tahun terdahulu, muhibah yang berbangkit daripada AGIB dan AIMB telah ditetapkan sebagai CGU berasingan berdasarkan rangkaian cawangan masing-masing. Pada tahun kewangan semasa, Syarikat telah menilai semula perniagaannya yang dijana daripada rangkaian cawangan AGIB dan AIMB dan membuat kesimpulan bahawa perniagaan yang dijana daripada entiti-entiti ini telah digolongkan dalam Syarikat dan dengan demikian, tidak perlu bagi rangkaian-rangkaian cawangan itu dinilai sebagai CGU berasingan. Akibatnya, penilaian kejejasan terhadap muhibah AGIB dan AIMB telah dibuat atas gabungan perniagaan insurans am secara keseluruhannya, tidak termasuk portfolio MUI yang diperolehi mengikut andaian utama yang dinyatakan di bawah.

Amaun yang boleh diperolehi daripada CGU ditentukan berasaskan kiraan nilai guna. Pengiraan ini menggunakan unjuran aliran tunai sebelum cukai berdasarkan bajet kewangan yang diluluskan oleh para pengarah yang meliputi tempoh selama lima tahun. Aliran tunai selepas tempoh lima tahun ini diekstrapolasi menggunakan anggaran kadar pertumbuhan kekal.

Andaian utama yang diguna dalam pengiraan nilai guna adalah seperti berikut:

- (a) Kadar pertumbuhan premium telah diunjur pada asas jangkaan pengurusan terhadap perkembangan pasaran dengan mengambil kira rancangan perniagaan yang memaparkan rancangan pengembangan masa depan dan sinergi yang terjadi daripada integrasi perniagaan yang diperolehi dengan perniagaan Syarikat yang sedia ada. Kadar pertumbuhan purata wajaran adalah konsisten dengan ramalan yang dimuatkan dalam laporan industri, yang diselaraskan mengikut trend dan jangkaan daripada cawangan-cawangan Syarikat.
- (b) Nisbah kerugian telah diunjur selepas mengambil kira strategi pihak pengurusan bagi pertumbuhan premium serta perkembangan masa lampau berhubung corak-corak perkembangan kerugian. Nisbah kerugian dijangka kekal pada tahap sedia ada.
- (c) Kadar diskaun sebanyak 10% (2011: 10%) yang diguna adalah sebelum cukai dan menunjukkan keseluruhan kos modal purata wajaran bagi industri insurans am.
- (d) Nilai tamatan ditentukan berasaskan nilai kini aset bersih pada penghujung 2012.

Berdasarkan penilaian ini, tiada kejejasan diperlukan untuk muhibah AGIB dan AIMB yang telah digolongkan dalam Syarikat.

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2012 (SAMBUNGAN)

5 MUHIBAH (SAMBUNGAN)

Pada 31 Disember 2012, Syarikat mengiktiraf sejumlah RM155.7 juta sebagai muhibah sementara daripada pemerolehan perniagaan daripada MUI pada tarikh pemerolehan iaitu pada 1 September 2012.

Oleh kerana pemerolehan MUI selesai kurang daripada 12 bulan dari tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2012, peruntukan harga pembelian berhubung aset dan liabiliti adalah dalam proses. Sebagaimana yang dibenarkan oleh MFRS 3: Gabungan Perniagaan, peruntukan harga pembelian dan muhibah akan menjadi muktamad pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

Pada 31 Disember 2012, peruntukan untuk muhibah kepada CGU adalah dalam proses. Kekejasan penuh muhibah akan dilaksanakan sebaik sahaja peruntukan muhibah kepada CGU sudah muktamad.

Syarikat telah melaksanakan penilaian awal kekejasan ke atas muhibah sementara pada 31 Disember 2012 berdasarkan andaian utama yang diguna dalam pengiraan nilai guna.

Berdasarkan penilaian awal ini, tiada kekejasan perlu untuk muhibah sementara MUI.

